

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA UPACARA PERASMIAN MESYUARAT AGONG NEKMAT KALI 14/99**  
**DI HOTEL KL INTERNATIONAL**  
**29 JULAI 1999**

-----

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-nya dapat kita bersama-sama hadir di majlis yang penting ini dalam usaha kita untuk memantapkan lagi taraf sosio-ekonomi dan jati diri para nelayan di seluruh negara.

2. Pembangunan sektor pertanian sedang mengalami suatu perubahan ke arah yang lebih dinamik dan kompetitif. Sektor ini telah terbukti penting, bukan sahaja dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara malahan memberi peluang pekerjaan kepada sebilangan besar rakyat negara ini.

3. Dalam tahun 1995, jumlah tenaga kerja dalam sektor pertanian ialah sebanyak 1,429,000 orang telah menyumbang kepada kdnk sebanyak RM 16.2 billion dan mencapai kadar pertumbuhan purata tahunan pada 3.2% sejak tahun 1985. Memandangkan peri pentingnya sumbangan sektor ini kerajaan telah menjadikan pertanian sebagai satu sektor asas yang wajar digerakkan kembali secara lebih sistematik. Maka, Dasar Pertanian Negara I (1984-1992) dilancarkan dan di ikuti Dasar Pertanian Negara II (1992- 2010) dan terkini (dilancarkan pada 8 Jun 1999) Dasar Pertanian Negara III (1998-2010).

4. Sesungguhnya, pelaksanaan DPN I, DPN II dan DPN III jelas menunjukkan yang kerajaan begitu prihatin terhadap sektor pertanian. apabila negara mengalami kegawatan ekonomi sejak Julai 1997 sektor pertanian mendapat tempat kembali dalam ekonomi negara. Kesannya, kegiatan ekonomi negara yang lebih menjurus kepada perindustrian telah memberi peranan pula kepada sektor pertanian untuk turut membantu mempercepatkan usaha pemulihan ekonomi negara. Ternyata kini strategi yang diambil oleh kerajaan berjaya dan sekali gus memartabatkan sektor pertanian menerusi DPN III.

5. Lebih daripada itu, kerajaan yakin langkah berkenaan bukan sahaja bagi memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi (termasuk bekalan ikan), malahan sekaligus mengurangkan import makanan yang telah mencecah RM 10 billion (1997) serta dapat pula meningkatkan pendapatan melalui pengeksporan hasil-hasil pertanian sama ada yang tidak diproses atau yang diproses (value-added product). Kerajaan juga akan terus menumpukan kepada peningkatan dan pemodenan pengeluaran makanan. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi kepada penggalakan penggunaan teknologi dan pengurusan moden, pertanian berskala besar dan tersusun dan menukar pengeluaran pertanian daripada satu jenis tanaman kepada pelbagai jenis tanaman serta daripada monokultur kepada polikultur bagi meningkatkan penggunaan tanah dan produktiviti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Dalam masa yang sama, perangkaan juga menunjukkan sumber pendapatan terbesar di sepanjang tempoh berkenaan diperolehi daripada industri minyak sawit. Pada 1998, industri minyak sawit mampu menyumbang kira-kira RM 36 billion (satu nilai yang jauh lebih jauh besar daripada perolehan melalui sektor petroleum).

7. Menyedari hakikat berkenaan, DPN III yang dilancarkan tidak lama dulu menjadikan suatu komitmen, azam dan hasrat kerajaan di dalam menjanakan sektor pertanian dengan lebih berkesan dan berskala besar. Berikutan kekurangan tanah pertanian yang semakin meningkat, usaha pembangunan akan ditumpukan ke arah memaksimumkan penggunaan tanah bagi memenuhi potensi tanah tersebut. Oleh itu, pembangunan pertanian masa hadapan akan lebih ditumpukan di negeri-negeri yang secara relatifnya mempunyai tanah baru yang luas dan sesuai untuk pertanian seperti Pahang, Sabah dan Sarawak. Selain itu, tanah terbiar akan digunakan untuk tujuan ekonomi, terutamanya bagi menyokong usaha meningkatkan pengeluaran makanan. Kerajaan-kerajaan negeri juga akan menyediakan tanah pertanian yang diperlukan sektor swasta pada kadar nominal. Seluas 191,000 hektar tanah dikenal pasti oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk diwartakan sebagai zon penanaman sayur-sayuran manakala 3,000 hektar lagi akan dimajukan sebagai taman teknologi pertanian untuk pengeluaran makanan secara komersil. PPEN juga menetapkan syarat yang ketat bagi menukar kegunaan tanah daripada pertanian kepada bukan pertanian.

8. Selaku pengerusi jawatankuasa kabinet mengenai pembangunan luar bandar, saya sentiasa memberikan perhatian berat terhadap perkembangan ini dari semasa ke semasa.

9. Jika terdapat sesuatu kekurangan atau ada program yang wajar kita perbaharui di dalam sektor pertanian termasuk sub-sektor perikanan, saudara sekalian disarankan supaya memberikan pendapat melalui saluran masing-masing iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk golongan nelayan dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk golongan peladang. Insya-Allah cadangan-cadangan berkenaan akan diberikan perhatian sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Suka saya menyebut sepintas lalu mengenai teras DPN III yang meliputi usaha peningkatan pengeluaran dan sekuriti makanan, peningkatan produktiviti dan daya saingan sektor perikanan, peningkatan pelaburan sektor swasta serta peningkatan eksport dan pengurangan import.

11. Bagaimanapun untuk kita merealisasikan-nya memerlukan komitmen yang tinggi. Di samping itu, timbul pula persoalan, sejauh manakah matlamat ini dapat dicapai? Mampukah sektor pertanian menghadapi persaingan untuk mendapatkan tanah dan guna tenaga kerja yang diharapkan?

12. Kenapa saya berkata demikian? Ianya dapat dilihat kepada perangkaan tanah pertanian yang semakin kecil dan terbiar. Di masa yang sama tanah baru yang kini terhad, selain bilangan guna tenaga kerja yang semakin merosot akibat penghijrahan ke sektor lain, yang mungkin menjadi halangan kepada usaha ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Satu perkara lagi yang saya hendak tekankan di sini ialah mengenai usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang perlu dilakukan secara serius. Pihak-pihak berkaitan seperti mardi, jabatan pertanian dan jabatan perikanan wajar berada di garis hadapan. Ini penting bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran, penggunaan teknologi moden yang bersesuaian dapat mengurangkan

tenaga kerja dan penerokaan spesis-spesis baru yang berkualiti serta bernilai tinggi. Justeru itu, hubungan kerjasama penyelidikan antara institusi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta adalah digalakkan.

14. Sesungguhnya, kita mengalu-alukan pihak-pihak swasta menceburi bidang R&D secara lebih aktif. Jika konsep perkongsian pintar ini dapat dilaksanakan, sudah tentu sektor ini akan dapat dimajukan selaras dengan pembangunan sektor perindustrian dan pembuatan.

15. Sektor pertanian juga wajar dapat bersaing dengan sektor lain yang sentiasa berada di hadapan. Kita yakin sektor pertanian mampu mencatat sejarah negara meliputi golongan nelayan, peladang, pekebun kecil, usahawan tani dan penternak. Insyallah!

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Perjumpaan kita pada pagi merupakan perhimpunan yang amat penting bagi meneruskan wadah perjuangan para nelayan, untuk mencari jalan bagi membebaskan diri saudara-saudara daripada kemiskinan disamping membincangkan bagaimana hendak mempelbagaikan kegiatan perniagaan berasaskan ikan termasuklah fishmart, "fish-on`wheel", pembekalan dan penjualan ikan ke pejabat-pejabat kerajaan dan pemprosesan hasil-hasil perikanan. Pada masa yang sama, nekmata juga diharap dapat terus mempergiatkan perniagaan lain termasuk dalam bidang membekal minyak diesel, air batu, pembekalan pukal dan lain-lain.

17. Dalam hubungan ini, suka saya mencadangkan supaya nekmata menggembelingkan tenaga dan modal ke arah pembentukan konsortium perniagaan secara lebih besar. Nekmata boleh menjalankan perniagaan secara `merchandise' dengan mewujudkan rangkaian kedai runcit atau pasar mini yang kemas dan teratur dengan harga yang munasabah.

18. Selain dari itu, pihak nekmata juga disarankan supaya menceburi bidang perniagaan jangka panjang termasuklah menyertai kontrak/tender yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik. Masanya telah tiba bagi nekmata untuk mengadakan hubungan dagang dengan koperasi-koperasi perikanan di negara maju seperti Jepun dan Korea.

19. Suka juga saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak LKIM di atas usaha gigih mereka melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi para nelayan sejak penubuhannya pada 1 November 1971. Tempoh 28 tahun yang dilalui, LKIM telah berjaya mengurangkan peratus kemiskinan nelayan dari 73.2% (1970) kepada 11.8% (1995).

20. Saya difahamkan bahawa LKIM telah berjaya menubuhkan tabung pembangunan ekonomi persatuan nelayan (TPEPN) untuk melaksanakan projek ekonomi bagi membela nasib para nelayan. Sehingga kini, saya diberitahu bahawa LKIM telah mengeluarkan sebanyak RM 13.40 juta jumlah pinjaman kepada 38 buah persatuan nelayan di seluruh negara. Syabas saya ucapkan kepada LKIM.

21. LKIM juga telah berjaya mewujudkan Tabung Ikhtiar Nelayan (TIN) pada 8 Jun 1997 dengan dana sebanyak RM 4 juta yang disalurkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan pembiayaan maksima sebanyak RM10,000.

22. Selain itu, LKIM juga telah melaksanakan skim pinjaman dan kemudahan kredit untuk nelayan sejak 1983 yang sebagai dikenali Skim Kemudahan Kewangan (SKK). SKK ini telah memberi faedah kepada 314 orang nelayan, 283 peminjam pemilikan bot dan 31 peminjam peningkatan keupayaan bot.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. LKIM juga menggalakkan pembabitan nelayan menerusi persatuan nelayan dalam membekalkan produk-produk pelancungan seperti chalet, homestay, medan ikan bakar, sport fishing dan ini telah mencetuskan pertumbuhan destinasi pelancongan yang menarik di kampung-kampung nelayan dan di pulau-pulau.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Saya doakan semoga mesyuarat ini akan dapat mencapai matlamatnya. Kepada para ahli nekmata, jadikanlah mesyuarat ini sebagai ruang untuk mengkaji dan membincang dengan teliti dan secara positif segala rumusan demi untuk meningkatkan ekonomi para nelayan kita.

25. Marilah kita bersatu tenaga untuk terus mara ke hadapan dalam membina peradaban bangsa Malaysia yang maju dalam segala bidang bersesuaian dengan inspirasi kerajaan melalui wawasan 2020. Saya juga berharap agar suatu hari nanti nekmata akan menjadi suatu koperasi terulung di negara ini yang mampu membawa para nelayan setanding dengan koperasi-koperasi lain di dunia termasuk di Jepun, Norway, Korea dan Kanada.

26. Dengan itu, "dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mengasihani", saya merasmikan mesyuarat agong NEKMATA pada kali ini.

Terima kasih.